



## Hāji Agus Salim

Hāji Agus Salim, ahli falsafah dan kebudayaan

Islam Indonesia yang terkemuka baharu-baharu ini telah diraikan dengan sebesar-besar oleh pemimpin-pemimpi Indonesia dari segenap tingkatan termasuk ahli-ahli diplomatik dari luar negeri.

Di bawah ini sesudut dari riwayat hidup jaguh berida ini telah ditulis oleh pujangga “HAMKA” dan telah bermurah hati menjadikannya siaran khas majalah “Qalam” – P.Q.

(Oleh HAMKA)

Setelah para tetamu musta'id hadir, maka tampillah ke muka

Pada tanggal 8 Oktober yang baharu lalu, bertepatan dengan hari Jumaat, genaplah usia 70 tahun “Orang Besar Tua” – “Berlian Kaum Terpelajar”, “filsuf, pujangga dan ulama Islam” al-Hāji Agus Salim. Maka ramailah rumahnya dikunjungi oleh teman sahabat dan pencinta beliau dari segala bangsa lelaki dan perempuan. Pemimpin-pemimpin Indonesia, dari Perdana Menteri ‘Alī Sastro Amijoyo, sampai kepada Muhammad Natsir, Sutan Shahrir dan profesor-profesor dari sekolah-sekolah tinggi. Orang-orang Inggeris, Amerika, Belanda, India, Pakistan, Mesir dan Arab. Sehingga tidaklah kurang daripada 500 orang yang hadir. Beliau duduk menerima tetamu berdua dengan isteri beliau. Beliau berpakaian Melayu, berteluk belanga, bersarung dan bercapal. Karangan bunga dan hadiah beratus-ratus banyaknya, sehingga karamlah beliau di dalam pangkuan bunga. Wajah beliau kelihatan berseri-seri. Janggut yang putih menghiasi wajah yang membayangkan iman.

Siang harinya pagi-pagi Presiden Sukarno dan isteri beliau Fatimahwati telah terlebih dahulu berkenan datang mengucapkan selamat ke rumah beliau sendiri. Wakil President Hatta hanya mengirim bunga, sebab beliau sedang pergi ke Indonesia Timur.

peguam dan ahli politik Indonesia. Pemimpin Masyumi yang terkenal Muhammad Rum sebagai Ketua Panitia Peringatan, menyatakan syukur dan gembiranya murid-murid dan pencinta beliau, kerana Tuhan Allah telah memanjangkan usia beliau, moga-moga kiranya umur beliau panjang lagi, supaya dapat memberikan fikirannya, filsafatnya dan tuntunannya kepada agama, bangsa dan negaranya. Beliau mengatakan bahawa di dalam membina kemerdekaan Indonesia ini, tidaklah dapat ahli tarikh mengabaikan nama Hāji Agus Salim. Lalu Muhammad Rum memberikan sebuah buku hadiah, iaitu kumpulan beberapa karangan beliau yang penting-penting itu, dicetak di negara Belanda.


Ketiga, tiba giliran beliau menyambut ucapan-ucapan itu, beliau berkata bahawasanya segenap pujian yang diberikan kepadanya adalah hak Allah belaka. Kerana bagaimanapun tinggi pujian yang diberikan kepada manusia, kalau manusia itu lupa kepada Allah, lepasilah jejaknya dari bumi, tibalah kutuk Tuhan dan dicabutlah cahaya Ilahi daripadanya. Oleh sebab itu dipandangnyalah bahawa segala pujian itu sebagai pendorong baginya untuk selalu berbuat amal yang soleh, berjasa kepada bangsa, kepada Islam dan kepada dunia umumnya. Sebab

Nabi bersabda: *innamā al-a'māl bi al-khawātim* (segala amal manusia dapat ditentukan ialah setelah tiba ajalnya).

\* \* \*

Masyhur al-Ḥaq Agus adalah namanya di waktu kecil. Dizahirkan pada 1 Oktober 1880, di Kota Gedang Bukit Tinggi. Ayahnya Sutan Muhammad Salim, menjadi jaksa di Tanjung Pinang Riau. Yakni tatkala kerajaan Riau masih berdiri. Oleh kerana sangat ingin jaksa itu supaya puteranya kelak kemudian hari menjadi pegawai negeri yang berpenghidupan pantas, dia diserahkan ke sekolah H.B.S, iaitu sekolah menengah Belanda yang hanya dapat dimasuki oleh anak-anak orang berpangkat tinggi. Di sekolah itu dia mendapat darjat yang tertinggi. Sehingga pada tahun 1903 telah mendapat pujian dari guru-guru Belanda, "Sebagai anak Melayu yang berjiwa berlian". Bahkan Raden Ajeng Kertini yang masyhur menyebutnya di dalam surat-suratnya sebagai pemuda harapan kemudian hari. Setelah dia tamat dari sekolah itu pada tahun 1903 ayahnya ingin dia melanjutkan belajar sekolah doktor. Tetapi amat sulit untuk masuk ke sana sebab itu dia pun masuk menjadi pegawai negeri.

Di dalam usia muda itu (23 sampai 25 tahun) telah banyak menjadi buah mulut orang Belanda kerana terang otaknya. Mereka melihat bahawa di dalam mata yang bersinar-sinar itu tersimpanlah tenaga otak yang cerdas. Profesor Snouck Horgranje sarjana Belanda yang terkenal memintanya datang ke Jakarta. Profesor itu menawarkan kepadanya sudi menjadi pegawai di dalam dunia diplomatik misalnya menjadi Naib Konsul Belanda di satu negeri. Dari sana kelak tentu akan naik juga. Tetapi permintaan itu ditempiknya. Kerana dia belum mahu jadi pegawai, dia pulang ke Bukit Tinggi dan terus ke Riau bekerja di sebuah kebun besar dengan gaji besar. Tetapi belum setahun pekerjaan itu diterimanya datanglah surat dari Kementerian Luar Negeri pemerintah Belanda sendiri di Den Haag. Dia



*Tuan Haji Agus Salim ketika menjadi pensyarah falsafah Islam di salah sebuah universiti di Amerika.*

\*

diminta sudi menjadi naib konsul di Jeddah.

Mendengar nama Jeddah itu, ibunya menyuruh terima sahajalah tawaran itu. Kata ibunya: Kalau ke sana dunia dapat akhirat pun dapat. Sambil bekerja dapat belajar agama. Apatah lagi pada waktu itu ada ulama besar di Mekah termasuk keluarganya juga, iaitu Shaykh Aḥmad Khaṭīb al-Minkabāwī.

Hatinya mula-mula masih ragu juga sebab ketika itu hatinya telah agak jauh dari Islam. Dia terlalu banyak membaca buku-buku Atheist (faham tidak bertuhan). Tetapi dia sangat hormat kepada ibunya. Lalu diterimanya jawatan itu dan dia pun berangkatlah ke Jeddah menjadi naib kaunsel. Kewajipannya menyebabkan dia sewaktu-waktu wajib pergi ke Mekah termasuk pada waktu musim orang naik haji. Maka bertemulah dia dengan Shaykh Aḥmad Khaṭīb al-Ālim al-Ālāmah yang terkenal, itu yang dahulu sebelum ke Mekah pun pernah bersekolah Belanda. Cara sikap dan buah fikiran beliau, dan kepandaian beliau menarik hati pemuda sebagai



*Tuan Haji Agus Salim suami isteri sedang beramah-tamah dengan sahabat handainya ketika beliau di Amerika.*

\*

Agus Salim. Mulailah sedikit-sedikit membuka tabir mata hati beliau yang selama ini didinding oleh pendidikan Barat, sehingga jauh dari Islam. Tambahan lagi selama di Jeddah itu hati beliau kecewa sebab pangkat naib kaunsel itu hanya nama sahaja. Beliau tidak diberi tugas kewajipan yang bertanggungjawab, diperlakukan sebagai pegawai kecil sahaja, waktu banyak terbuang, maka waktu itu beliau pergunakanlah buat membaca dan memfasihkan bahasa Arab. Mulailah beliau metelaah kitab-kitab agama, dan waktu itu pula beliau bergaul dengan orang Turki sehingga dua bahasa, iaitu bahasa Arab dan Turki beliau dapat sekali jalan.

Hanya 3 tahun lebih beliau di Jeddah. Beliau pulang dengan hati agak kecewa. Tetapi keuntungan batin telah beliau dapat, iaitu dasar pandangan kepada Islam. Tahun 1911 beliau pulang, sampai di Kota Gedang didirikannya sebuah sekolah rendah berbahasa Belanda (H.I.S). banyak murid-muridnya waktu itu yang kini menjadi orang-orang ternama Indonesia.

Pada tahun 1915 dia datang ke Jakarta. Bermaksud hendak menempuh ujian menjadi guru dalam bahasa Belanda. Tetapi ajaib, dalam ujian itu beliau jatuh, pada hal selama ini orang Belanda memuji bahasa Belandanya. Di mana beliau jatuh? Ialah di nahunya! Memang kebanyakan ahli suatu bahasa, lalai memperhatikan nahunya (saya sendiri – HAMKA – juga mengakui hal itu. Saya banyak mengarang dalam bahasa Indonesia dan Melayu. Tetapi kalau ditanyakan nahunya kepada saya, saya pun akan jatuh dalam ujian).

Perang dunia pecah. Dia bekerja di kantor Penasihat Urusan Anak Negeri. Pemerintah Belanda mendengar ada gerakan di Jawa dipimpin orang Arab, yang hendak mengacau-balaukan pemerintah. Sebab mereka berpihak kepada Turki dan Jerman, Haji Agus Salim diutus ke sana untuk menyelidik. Maka pergila dia ke Jawa Tengah dan Jawa Timur. Bertemulah dia dengan Chokro Aminoto. Mulai menggerakkan Sarekat Islam, berjumpalah dia dengan pemimpin Islam yang diharap-harapkan. Terkenal jantung hatinya oleh kebesaran Chokro Aminoto. Lalu diakuinya terus-terang apa mulanya maksud kedatangannya, iaitu sebagai mata-mata Belanda. Dan sekarang tiada lain jalan lagi, imannya sebagai seorang Muslim bangkit, ghairah agamanya bangun, dia terus mendaftarkan diri menjadi anggota. Kepada pemerintah di Betawi (Jakarta) dikirimnya kawat: “Tuan telah kehilangan ejen tuan, mulai sekarang saya telah masuk dalam komplot itu”.

Semenjak itu ditalaknyalah segala jawatan dengan Belanda. Talak tiga bukan talak satu. Dia telah berdiri menjadi bintang bersinar Islam di Indonesia di dekat Chokro Aminoto. “Dwi Tunggal” pada zaman itu. Di mana Chokro di sana Salim.

Ayahnya marah besar. Jaksa Sutan Muhammad Salim seorang yang soleh tetapi setia kepada *government* Belanda (meninggal di Medan tahun 1934 dalam usia 83 tahun) tidak suka

Sambungannya pada muka 34

Sambungan dari muka 7

puteranya menjadi penderhaka kepada pemerintah. Apatahlagi menjadi pemimpin itu adalah sesia dan membawa melarat.

Semenjak beliau menceburkan diri ke tengah-tengah rakyat itu, memimpin agama dan bangsanya, semasa demi semasa bintangnya bertambah naik. Tetapi hidupnya melarat. Pagi belum tentu apa yang akan dimakan petang. Malam belum tentu apa yang akan dimakan siang. Tetapi hatinya tetap besar. Pada tahun 1921 dia duduk dalam dewan rakyat (Polksrad). Tetapi kemudian setelah nyata olehnya bahawa Polksrad hanya menjadi alat Belanda sahaja untuk menidurkan semangat rakyat yang mulai bangun, dewan itu beliau tinggalkan dan ketika orang bertanya kepadanya apakah erti dewan rakyat itu? Beliau menjawab: “Komedi omong”!

Rakyat dipimpinya, pemuda diasuhnya, sehingga pemuda-pemuda yang sekarang berjuang di dalam menegakkan Indonesia, iaitu Muhammad Rum, Hāji Muḥammad Kasman, Zafruddīn perwira negara, Muḥammad Natsir dan Shamsu al-Rijāl adalah bekas murid-muridnya yang masuk sekolah Belanda yang diasuhnya di dalam “Ikatan Pemuda Islam”.

Dialah yang menjadi tenaga berfikir di dalam Parti Syarikat Islam. 1926 berdiri “Mu’tamar ‘Ālim al-Islām” cabang Indonesia. Beliau menjadi setiausahanya. Di dalam dunia persuratkhabaran beliau pernah memimpin harian “Neracha”, “Hindia Baru”, “Bendera Islam” dan “Mastika”. Namanya di dunia internasional mulai terkenal ketika dia datang ke Janbia memperjuangkan penghapusan rodi. 1927 dia ke Mekah menemui Raja Ibn Sa‘ūd.

Pada zaman Jepun dia lebih banyak berdiam diri, metelaah buku-bukunya di rumah. Tetapi setelah kemerdekaan Indonesia diisytiharkan, mulailah “Singa tua” itu menunjukkan giginya. Waktu itulah dia menjawab pertanyaan seorang wartawan Amerika: “Daripada diserahkan kepada Belanda kembali, lebih baik tanah air kami ini kami bakar sahaja” – dan apa



*Barang di mana sahaja berada, Tuan Haji Agus menjadi tumpuan sahabat kenalan yang telah tertarik kepada falsafah dan pengalamannya.*

\*

yang dikatakannya 4 tahun Indonesia terbakar!

Usianya ketika pecah revolusi telah 61 tahun tetapi tenaganya lebih muda dari yang muda. Mukanya berseri-seri, semua pemimpin revolusi adalah anak-anaknya. Lebih-lebih Hatta, Shahrir, Natsir, Rom. Dia turut mendirikan Masyumi dan menjadi ketua dua “Majlis al-Shūrā” tetapi semenjak Partai Syarikat Islam menarik diri dari Masyumi, beliau menarik diri dari keduanya. Dan menegakkan pendiriannya: “Dengan jiwa Islam memperjuangkan kemerdekaan Indonesia”. Dalam usia 64 tahun dia mengelilingi negeri-negeri Arab, memperjuangkan supaya negara-negara Arab mengakui kemerdekaan Indonesia. Maka sekaligus Mesir, Saudi Arabia, Iraq, Syria, Luban, Shirq al-Urdun dan Yaman memberikan pengakuannya. Dan ketika dia keluar negeri itu dia pergi sembunyi-sembunyi. Dan ketika dia masih di tanah Arab, Belanda melancarkan serangan besar yang pertama atas Republik (21 Julai 1947). Sutan Shahrir lari dengan celana pendek ke Singapura, kerana tidak sempat membawa peti pakaian. Di Mesir dia ditunggu oleh Haji Agus Salim

dengan bantuan Raja Farouq sendiri, mereka terus ke Lake Success, ke persyarikatan bangsa-bangsa, sehingga wakil Belanda kalah dalam percaturan. Setelah maksudnya itu berhasil dia pun pulang. Waktu itu dia menjadi Menteri Luar Negeri.

Setelah Belanda melancarkan serangan yang kedua dan merebut Jogja, dia turut ditawan bersama-sama Sukarno, Hatta, dan lain-lain. Mula-mula diasingkan di Perapat, setelah itu dikumpulkan ke Bangka, setelah itu India mengadakan Konferensi Asia, dan persyarikatan bangsa-bangsa mengambil sikap. Belanda disalahkan. Diadakan mesyuarat Muhammad Rum dan Pan Rowin. Jogja dikembalikan, kedaulatan diserahkan, Agus Salim merasa bangga di rumahnya, menerima tamu dari mana-mana. Menjadi penasihat dari Kementerian Luar Negeri. Dalam sekejap waktu sahaja Hāji Agus Salim telah menjadi kepunyaan dunia, tidak kepunyaan Indonesia sahaja lagi. Negara-negara Arab mengakuinya sebagai “Filsuf, siyasi, Muslim yang terbesar pada zaman ini”.

Dalam tahun 1953 ketua universiti di New York menjemputnya datang memberikan pelajaran tentang Islam dan perkembangan fahamnya pada zaman ini. Setelah itu di dalam perayaan perlantikan Ratu Elizabeth II pemerintah mengutusnyanya menjadi ketua perutusan Indonesia. Sehabis itu dia kembali ke Amerika menghadiri “Kongres Kebudayaan Islam” yang diadakan oleh Princeton University. Menjadi “Bintang gemilang” di antara segala utusan.

Tercenganglah kita kerana kesanggupan lidahnya di dalam beberapa bahasa: Belanda, Inggeris, Perancis, Arab, Turki. Di Indonesia Sunda, bahasa daerah Minangkabau, yang diucapkannya dengan sangat fasih. Saya pernah menghadiri suatu majlis yang beliau menghadapi 4 orang dengan 4 bahasa yang hadir ialah saya, dipakainya kepada saya bahasa Minangkabau. Dan Muhammad Zayn Jambi’, dipakainya bahasa Arab. Dan

al-Marhum Isma‘īl Jamil dipakainya bahasa Inggeris. Dan Muḥammad Shāh Shāfi‘ī, dipakainya bahasa Belanda. Ketika dia pada tahun 1947 ada di Mesir, selalu dia berbahasa Inggeris dan Perancis. Lalu dijemput mengadakan ceramah di Universiti Mesir. “Bahasa apa yang akan saya pakai?” tanya kepada yang menjemput. “Terserah kepada paduka. Boleh Inggers boleh Perancis”. Lalu dia naik ke minbar bersyarahlah dia di dalam bahasa Arab, tidak pakai persediaan, lebih satu jam lamanya. Maka terpesonalah yang hadir semuanya.

Tabiatnya riang dan gembira. Penyuka kepada tetamu. Suka berkelakar. Bercakap satu jam dua jam dalam berbagai soal. Fikirannya amat tangkas. Pernah seorang Belanda mengatakan bahawa bahasa Indonesia (Melayu) tidak kaya – lalu beliau bertanya: “Apa sebab tuan berkata begitu?”, Belanda itu menjawab “Kalimah politik apa bahasa Indonesiannya?”. Lalu kata beliau “Cubalah terjemahkan dahulu ke bahasa Belanda, sekarang juga saya terjemahkan ke dalam bahasa Indonesia”. Belanda itu terdiam.

Pada suatu masa dahulu beliau mengadakan rapat di Jogja. Beberapa orang komunis yang hadir hendak mengacu, ketika beliau naik minbar telah membibik seperti kambing “Mbek! Mbek!” sebagai mengejek sebab beliau berjanggut.

Dengan cepat beliau berkata kepada ketua: “Rupanya di dalam yang hadir hari ini, bukan sahaja manusia, tetapi ada juga kambing-kambing: harap tuan ketua halaukan kambing-kambing itu keluar. Dia akan mengganggu orang lain”.

Maka berpindahlah kambing daripada janggut beliau kepada bibik orang-orang komunis itu.

“Baharu sekali saya kalah” kata beliau “Pada suatu hari saya naik andung di Jogja. Tiba-tiba kuda kentut. Maka saya katakan kepada kusir “Kuda ini masuk angin”

Kusir menjawab: “Bukan masuk angin, pak! Tetapi keluar angin”.

Apabila tuan hendak mencari hikmah, falsafah, tawhid, tasawwuf, faham baharu dalam hal Islam, apabila tuan hendak mencari kitab yang selalu terbuka, datanglah ke rumahnya, dengarlah bicaranya.

Bagi saudara-saudara di Tanah Melayu adalah satu hal yang akan mengubat hatinya; dahulu dia memakai dasi dan pakaian Barat hanya jika keluar rumah. Tetapi semenjak pengakuan kedaulatan di Indonesia tahun 1950 beliau tetap berpakaian Melayu sepasang teluk belanga tinggi lehernya, capal dan bersamping kain sarong. Ke Amerika pakaian itu juga yang dipakainya.

Bagi kita orang Islam, terharulah kita melihat muka rumahnya terletaklah cap tandatangannya. Berbentuk bulat: Di pinggir nama “Hāji A. Salim” dengan huruf rumi di tengah Hāji Agus Salim dengan huruf Arab. Sebelah atas 7.8. 1945 (hari kemerdekaan) dan di bawahnya hadith Nabi: *Qul amantu billāh thummastaqīm*.

Di ruang tengah tertulislah ayat al-Quran dengan air emas: “*Fa law la iha dakhlat jannatuka qultu mā shā Allāh lā quwwata illa billāh*”.

Pada masa malam peringatan itu, ketika saya bersalam hendak berpisah dia bertanya: “HAMKA! Cubalah cari dalam hadith, bolehkah memuji orang yang masih hidup? Saya terlalu banyak dipuji malam ini!” Lalu saya menjawab: “Itu bukan puji, bapak! Itu adalah doa”. “Amīn!”

Mulai tanggal 8 Oktober 1954 itu, hari genap usianya 70 tahun. Dia meletakkan jawatan dari pekerjaan pemerintahan, Penasihat Kementerian Luar Negeri. Dan mulai bulan November hadapan diterimanyalah permintaan menjadi mahaguru (profesor) “di Perguruan Tinggi Agama Islam Negeri” (P.T.A.T.I.N) di Jogjakarta.

Pada malam peringatan itu dia berkata: “Meskipun usiaku

telah genap 70 tahun hari ini, namun saya masih belum pernah merasa diriku tua. Jiwaku masih tetap muda. Mahu atau tidak mahu, sisa umurku ini akan kupergunakan mengajar dan menyiarkan agama Islam kepada angkatan depan yang akan menggantikan daku kelak. Semoga Tuhan kabulkan.”

Hāji Agus Salim dia bukanlah orang Minangkau, atau Melayu sahaja, dia adalah orang Indonesia. Dia bukanlah lagi orang Indonesia sahaja, tetapi orang dunia. Dan dia bukan lagi orang dunia sahaja, tetapi orang Islam yang taat dunia dan akhirat. Semoga Tuhan panjangkan usianya lagi.

---

Sambungan makalah “Landasan Akhlaq” dari muka 9

kita masa depan itu. Fikiran itu benar; tetapi jika hasil seperti itu yang kita harapkan bertilah kita telah mati sebelum ajal. Kesan falsafah benda dan kebendaan adalah terlalu kuat untuk dibiarkan. Jika kita masih ingin memakai kebudayaan, akhlak dan sikap hidup ayang bersendirian dan berhubungan dengan pusaka datuk nenek kita di lapangan itu adalah penting kita sekarang bersikap giat “membuat pemeraksanaan akhlak dengan pematutan dan pepadanan kebudayaannya.”

Corak sesuatu bangsa ialah akhlaknya. Dari bentuk kita berlaku, bersikap, memandang dan hidup itulah nilai akhlak kita diberi. Tidaklah megah jika kita menganuti falsafah akhlak yang asing yang mana timbulnya dari keadaan dan susunan hidup manusia yang asing dari kita sendiri.

Orang-orang yang tak tahukan usul asal akhlak bangsa Melayu yang Islam tentulah menyangka iaitu tak sejajar dengan hidup moden. Tetapi kita tak ingin melayani orang yang tak tahu itu. Sebab akhlak kita tak kurang nilai zatnya dari mana-mana akhlak hidup manusia di dunia ini.